

Tel: 088-283283  
Fax: 088-239046  
E-mail: doasabah@sabah.gov.my  
Laman Web: www.sabah.gov.my/tani



**SABAH, MALAYSIA**



**Jabatan Pertanian Sabah**  
Kementerian Pertanian & Industri Makanan Sabah  
Aras 1, 5, 6 & 7, Wisma Pertanian Sabah  
Jalan Tasik, Luyang  
Off Jalan Maktab Gaya  
Beg Berkunci No. 2050  
88632 KOTA KINABALU

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JPTN(IP)100-4/14/Klt.3/(2)

Tarikh: 09 Ogos 2011

Semua Ketua Penolong Pengarah  
Semua Penolong Pengarah  
Semua Ketua Seksyen  
Semua Pegawai Pertanian Kanan Daerah  
Semua Pegawai Pertanian Daerah  
Semua Pegawai Penguasa Pertanian

**ARAHAN JABATAN (KEWANGAN) BIL. 2/2011  
TATACARA PEROLEHAN KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN BERNILAI  
RM20,000 KE BAWAH - JABATAN PERTANIAN SABAH**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Berikut adalah tatacara dalaman Jabatan yang perlu dipatuhi dalam membuat perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang bernilai RM20,000 ke bawah:-

Bil.	Jumlah Perolehan	Cara Perolehan	Kuasa Memberi Kelulusan Pengecualian Kajian Harga
1.	Sehingga RM5,000	Lantikan/Pembelian Terus	-
2.	Di atas RM5,000 hingga RM10,000	Kajian Harga Daripada Sekurang-kurangnya tiga (3) Pembekal/Syarikat	Timbalan-Timbalan Pengarah
3.	Di atas RM10,000 hingga RM20,000	Sama seperti di atas	Pengarah Pertanian

3. Sila pastikan peraturan-peraturan yang digariskan dalam Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri (SPK) Bil. 3/2010 bertarikh 04 Januari 2010 dipatuhi dalam menguruskan perolehan ini seperti berikut:-

- (i) Pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga **RM20,000** boleh dibuat secara **pembelian terus** dengan mana-mana pembekal yang **berdaftar atau tidak berdaftar** dengan **PUKONSA** samada bertaraf **Bumiputra atau Bukan Bumiputra**; dan
- (ii) Kerja yang bernilai tidak melebihi **RM20,000** boleh dibuat secara **lantikan terus** di kalangan kontraktor **Kelas F yang berdaftar dengan PUKONSA** di bawah kepala dan sub-kepala yang berkaitan dan **CIDB** dalam gred dan kategori yang berkaitan.

...2/-

Ruj. : JPTN(IP)100-4/14/Klt.3/(2)  
Tarikh : 09 Ogos 2011  
Perkara : Arahan Jabatan (Kewangan) Bil. 2/2011  
Tatacara Perolehan Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Sehingga  
RM20,000 Jabatan Pertanian Sabah

4. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan Pekeliling Arahan Jabatan (Kewangan) Bil. 1/2010 bertarikh 14 Mei 2010 adalah dimansuhkan.

Sekian, terima kasih.

**"PERTANIAN ADALAH SATU PERNIAGAAN"**



**(M.C. ISMAIL SALAM)**  
**PENGARAH PERTANIAN**

s.k. Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri  
Wisma Kewangan  
Ber Berkunci No. 2058  
88595 KOTA KINABALU

R 9/8/2011

RR/vg  
02081351